



# TIBBIans

“BEYOND THE HORIZON OF JUST HEALING”

PRODUKSI BADAN KEBAJIKAN PELAJAR-PELAJAR PERUBATAN MALAYSIA-MESIR

PERCUMA

UNTUK AHLI SAHAJA

BIL 5

MUHARRAM 1426/FEBRUARI 2005

## SIDANG EDITORIAL

*Penasihat:*

AHMAD BAIHAQI AZRAII

*Editor:*

AHMAD SHUIB YAHAYA

*Pengarang:*

IQBAL MUNAUWIR ABD RASHID

HAZWANI JOHARI

*Penyumbang:*

SALMAN AMIRUDDIN

FAUWAZ FADZIL NOOR

DAING NORHAFIZAH ZAILANI

AHMAD HAIKAL IDRIS

ABDUL FATAH JAAFAR

*Terbitan:*

PERUBATAN,

Kaherah, Mesir.

Pihak Editorial mengalu-alukan sebarang sumbangan dalam apa jua bentuk. Sumbangan penulisan akan diteliti dan pihak editorial berhak mengubahsuai hasil penulisan tersebut selagi tidak meminda isi dan idea utama. Segala penulisan samada dari kolumnis atau sumbangan tidak melambangkan pendirian dan identiti PERUBATAN serta terdedah kepada komen, kritikan dan seumpamanya dengan syarat disempurnakan secara profesional dan mematuhi prinsip-prinsip ilmiah. Sumbangan penulisan hendaklah disertai dengan identiti pengirim serta e-mail sebagai tanda pertanggungjawaban terhadap hasil penulisan. Rujukan/sumber adaptasi seeloknya dinyatakan.

Sebarang komen membina, idea, pertanyaan, artikel atau sumbangan sila emailkan ke:

[tibbians@lycos.com](mailto:tibbians@lycos.com)

laman web:

<http://members.tripod.com/tibbians>

## MUTIARA

*Barangsiapa yang melihat  
AIB dirinya sendiri, nescaya  
dia tidak sempat melihat  
AIB orang lain...  
(Lukmanul Hakîm)*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah, Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani  
*In The Name Of Allah, Most Gracious, Most Merciful*

**MAAL HIJRAH 1426!!!**

***Selamat Menyambut Tahun Baru***

**REHLAH KE SINAI:**

**SEJARAH BAGI PERUBATAN**



**KAHERAH, 24 JANUARI** – Tepat jam 8.45 pagi, sebuah bas yang membawa 28 pelajar-pelajar perubatan lelaki bersama seorang musyrif memulakan rehlah 3 hari 2 malam ke Sinai Selatan dari Hayyu Asyir. Rehlah bersejarah ini merupakan yang pertama seumpamanya dianjurkan secara tersusun oleh PERUBATAN. Yuran penyertaan 150LE dikenakan kepada peserta. Perjalanan peringkat pertama meliputi perjalanan dari Hayyu Asyir, Qaherah ke Saint Catherine, Selatan Sinai. Di sepanjang perjalanan, para peserta turut melawat beberapa tempat penting dan bersejarah. Antaranya, Terusan Suez, Panorama Barlev, Uyyun Musa dan Hamam Firaun.

Setibanya di Saint Catherine pada jam 10.30 malam, para peserta sempat berehat seketika sebelum memulakan ekspedisi pendakian Jabal Musa pada jam 12.30 pagi, yang mengambil masa kira-kira 3 jam. Keesokan harinya, para peserta melawat tempat-tempat bersejarah di sekitar Saint Catherine, termasuklah Perkampungan Ilyas, Kanisah Saint Catherine, Patung Lembu Samiri, Perkambangan Nabi Syuaib, Makam Nabi Harun dan Makam Nabi Saleh.

.....Lagi berita dan gambar di muka 12

**Jamuan Perpisahan Dr Nasri,  
Perbentangan Perlembagaan dan  
Perlancaran Program Thaqafah Online  
PERUBATAN**

**Tarikh** : 25 Februari 2005  
**Tempat** : Dewan Darul Ridzwan  
(Rumah Perak)  
**Masa** : **2.00 petang** – 5.00 petang  
**Bayaran** : 6 LE

**Tentatif program:**

2.00 ptg : Ucapan aluan Pengerusi Majlis  
2.10 ptg : Bacaan Al Quran  
: Ucapan Wakil Pelajar  
: Ucapan Dr Nasri  
: Persembahan  
: Penyampaian hadiah  
: Makan  
3.30 ptg : Solat Asar  
3.45 ptg : Perbentangan draf Perlembagaan  
PERUBATAN  
4.15 ptg : Perlancaran Projek Thaqafah Online

Semua ahli-ahli PERUBATAN adalah dijemput untuk menghadiri majlis ini sebagaimana masa dan tempat yang telah ditetapkan. Sama-sama kita menjayakan majlis ini dengan baik dan sempurna, insyaAllah.

Disediakan oleh:  
Tengku Abdul Kadir Tengku Zainal Abidin,  
Pengarah Program

**MABRUK  
DR. NASRI!!!**

*(Selamat bertugas , Semoga  
menjadi seorang doktor yang  
cemerlang, Doakan adik-  
adikmu di Mesir...)*

**PERLEMBAGAAN PERUBATAN**

Sukacitanya dimaklumkan bahawa kini proses penggubalan perlembagaan PERUBATAN sedang berjalan dan draf cadangan perlembagaan tersebut akan sama-sama dibincangkan pada sesi khas yang akan diadakan pada hari Jumaat bersamaan 25 Februari 2005 bertempat di Rumah Negeri Perak, Hayyu Sabie', Madinat Nasr.

Sehubungan dengan itu, saya mewakili Jawatankuasa PERUBATAN ingin memohon jasa baik semua ahli PERUBATAN untuk meneliti draf cadangan perlembagaan tersebut untuk memastikan kelancaran perbincangan yang akan diadakan. Untuk itu, semua ahli boleh berbuat demikian dengan melayari laman web Tibbians di

**<http://members.tripod.com/tibbians>**

Mohd Hamdan Saparwan  
Setiausaha PERUBATAN

**TIBBIANS ONLINE !**

Sukacita dimaklumkan bahawa TIBBIANS kini boleh didapati dalam edisi web.  
Fail-fail adalah dalam format PDF:

**<http://members.tripod.com/tibbians>**

## PROGRAM THAQAFAH ONLINE !!

ANJURAN: Unit Pendidikan PERUBATAN

BUTIRAN:

1. Program berbentuk pembentangan kertas kerja mengenai sebahagian isu-isu perubatan kontemporari dari segi sains & hukum serta syaratnya dari segi syarak Islam.
2. Pembentangan diadakan menerusi Yahoo Chatting Room.
3. Masa: **2100 (Cairo Local Time) / 1900 GMT – setiap Rabu** (Majlis perasmian tidak akan diadakan secara online- hanya di kalangan pelajar-pelajar di Mesir)
4. Yahoo ID untuk moderator program: **perubatan\_mesir**  
Sila add ID tersebut untuk memudahkan dijemput & penyaluran sebarang maklumat, pindaan dan sebagainya.
5. Ahli-ahli PERUBATAN disaran supaya menyertai ‘perbincangan’ tersebut dan menjemput sahabat-sahabat mereka dari serata dunia untuk sama-sama menyertainya (terutamanya pelajar-pelajar perubatan). Sesi soal jawab akan diadakan semasa pembentangan.
6. Kertas-kertas kerja insyaAllah boleh didapati sedikit masa lagi melalau laman web:  
**<http://members.tripod.com/tibbians>**

JADUAL (tertakluk kepada pindaan)

TARIKH	TAJUK	PEMBENTANG
25 Februari 2005 (Jumaat jam 4.15 ptg)	Perasmian	Ahmad Baihaqi Azraii
2 Mac 2005	Pengantar “Perubatan & Syariah”	Hidir Hassan
9 Mac 2005	Bedah Siasat	Salman Amiruddin
16 Mac 2005	Bayi Tabung Uji	Ahmad Shuib Yahaya
23 Mac 2005	Mati Otak	Mohd Ilham Ismail
30 Mac 2005	Penggunaan Najis dalam Perubatan	Ahmad Muhaimin Mustafa
6 April 2005	Pemindahan Organ	Ahmad Zuhdi Suradin

KETERLIBATAN

Sasaran utama merupakan ahli-ahli PERUBATAN yang berada di Mesir seterusnya sahabat-sahabat (pelajar khususnya) di serata dunia.

“TAKWA, SYIFA’, RAHMAH.”  
“BEYOND THE HORIZON OF JUST HEALING”

Disediakan oleh:  
Ahmad Shuib Yahaya,  
Penvelaras Program

### MUTIARA PENUNTUT ILMU

أخو العلم حي خالد بعد موته  
و ذو الجهل ميت وهو يمشي على الثرى  
واوصاله تحت التراب رميم  
يظهر من الأحياء وهو عديم

Pemilik ilmu adalah “hidup kekal” selepas matinya  
Walaupun badannya telah hancur di bawah tanah  
Sementara Pemilik kebodohan telah mati sedangkan dia masih berjalan di atas tanah  
Nampak seolah-olah seperti hidup, tetapi sebenarnya dia telah tiada (mati)

## TOKOH-TOKOH DALAM BIDANG PERUBATAN

Dikumpul oleh: Daing Zailani (daing\_norhafizah@yahoo.com)

Perkembangan ilmu perubatan dalam tamadun islam terbahagi kepada 3 zaman yang penting iaitu:-

1. zaman penterjemahan
2. zaman keemasan atau kegemilangan
3. zaman kemerosotan

Berikut adalah penerangan ringkas setiap zaman serta kisah mengenai salah seorang tokohnya.

### A) Zaman penterjemahan

penterjemahan pada ketika ini sangat penting. Ia merupakan asas perkembangan ilmu perubatan dan lain-lain Hasil daripada penterjemahan akan dipelajari dengan mudah apa saja ilmu pengetahuan. Buku-buku dalam bahasa asing akan diterjemahkan kedalam bahasa arab. Kebanyakan dilakukan di pusat pengajian tinggi perubatan kedokteran jundishapur. Ia berkembang dengan pesat sekali kerana mendapat galakan daripada beberapa khalifah pada ketika itu. Antaranya **khalifah Al Mansur (754-775 M), al Hadi(775-786) dan Harun al Rashid**. Antara tokoh-tokoh yang terlibat dalam penterjemahan ialah **Jabir, Hunayn, Thabit dan al Kindi**

#### Jabir Ibnu Hayyan(721-766M)

Jabir merupakan seorang anak kepada seorang ahli kimia ubat. Lahir pada abad ke 8M. Beliau terkenal dengan nama **Geber di Eropah**, tinggal di kufah Baghdad. Beliau juga mempunyai pengaruh yang agak kuat terhadap perkembangan sains kimia dan karyanya menjadi rujukan eropah dan asia kecil hingga abad ke 14. Jabir pernah mengarang lebih **daripada 100 buah buku**, malangnya hanya terdapat 22 buah sahaja yang ada di Eropah. Antara karyanya yang sering dirujuk ialah

a) **Book of the seventy (disertasi)**

b) **Book of the composition of alchemy**

c) **Book of sun perfection**

d) **kitab al-Rahmah**

e) **Kitab tajmik**

f) **Book of eastern Mercury**

Buku beliau yang bertajuk **Book of the seventy (disertasi)**, **Book of the composition of alchemy** dan **Book of sun perfection** telah diterjemahkan kedalam bahasa latin dan telah menulis secara saintifik tindak balas penurunan (**reduction**) serta pengkalsinan (**calcinations**). Dia juga pakar dalam cara penyediaan ubat dan telah memperkenalkan kepada dunia istilah baru seperti **alkali dan antimoni yang masih digunakan hingga ke hari ini**.

### B) Zaman kegemilangan

Pada zaman ini berlakunya perkembangan ilmu pengetahuan yang pesat dan lahirnya teori-teori baru hasil penyelidikan dan pengkajian ilmu dengan cara terperinci dan saintifik. Karya ahli perubatan islam telah dibukukan dan dijadikan rujukan serta buku teks untuk pendidikan kedokteran di Eropah hingga beberapa abad lamanya.

Antara tokoh perubatan islam pada zaman ini ialah **Al-Razi, Ibnu Sina, Al Zahrawi, Ali Ibnu Abas, Al-Haytham**.

#### Ibnu Sina

Nama sebenar beliau ialah Abu Ali Hussain Ibnu Abdullah Ibnu sina. Orang barat memanggilnya dengan panggilan **Avicenna**. Ibnu Sina merupakan seorang cendekiawan islam yang memiliki pelbagai bidang ilmu. Antaranya tentang falsafah- falsafah dan perubatan. Sumbangan yang ketara Ibnu Sina dalam bidang perubatan adalah dari segi pengalaman dan kebolehannya untuk mengubat dan juga dalam menghasilkan karya dalam penulisan. Terdapat banyak ilmu perubatan moden yang menggunakan ilmu perubatan Ibnu Sina sebagai rujukan. Terutamanya mengenai penggunaan ubat, diagnosis dan pembedahan. Buku beliau telah digunakan secara meluas di **Universiti-universiti Eropah** hingga abad 15M. Pada abad ke 12M, buku beliau telah diterjemah oleh **Genard Cremona** yang berpindah ke Toledo, sepanyol kedalam bahasa latin. Bukunya telah dicetak sebanyak **16 kali, 15 edisi dalam bahasa latin dan sebuah dalam bahasa yahudi (Hebrew)**. Pada abad ke 16M buku ini telah dicetak sebanyak **21 kali**. Penulis di barat telah menganggap Ibnu Sina sebagai **bapa kedokteran** kerana Ibnu Sina telah menyatupadukan ilmu perubatan Yunani, Hippocrates dan Galen serta pengalaman daripada ahli-ahli perubatan dari India dan Parsi serta pengalaman beliau sendiri .

*Bersambung ke muka 11*

## HADITH NABAWI SYAREEF

عن أبي هريرة (ر) قال : قال رسول الله (ص) : أفضل الصيام بعد رمضان شهر الله المحرم، وأفضل الصلاة بعد الفريضة صلاة الليل. رواه مسلم واللفظ عنه، وأبو داود والترمذي والنسائي

Daripada Abu Hurairah r.a., berkata: Rasulullah telah bersabda: **“Sebaik-baik puasa selepas Ramadan adalah (puasa) bulan Allah, Muharram; Dan sebaik-baik solat selepas solat fardhu adalah solat malam.**

حديث 1500 من الترغيب والترهيب

## AL-MUDGHAH - المضغة “Chewed-Like Substance”

Adapted by HAMADA el Misriey *intelek@lycos.com*

The Mudghah in Arabic means a chewed substance or lump, or something that has been masticated. Abdullah Yusuf Ali in his Quranic translation chose the word *morsel of flesh* which does not exactly translate the word Mudghah (Most of Malaysian and Indonesian “terjemahan” also had wrong translations of this word- *segumpal daging*)<sup>(1)</sup>


Mohammed Assad, Maurice Bucaille and others have chosen the correct translation i.e. chewed like substance or lump.<sup>(2)</sup>

The word Mudghah is mentioned twice in The Holy Quran, Surah 22 verse 5 and Surah 23 verse 14. In The Hadith it has been mentioned several times.

The embryo at 24-25 days is in the Alaqah stage<sup>(3)</sup>. It changes into the mudghah stage at 26-27 days. This quick change is described in The Quran by using conjunction “FA” (ف) which in Arabic indicates *a quick sequence of events*.

### فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مَضْغَةً

“The We change the leech-like structure (alaqah) into a chewed-like substance”<sup>(4)</sup>



The embryo in the Mudghah stage resembles a chewed substance (e.g. chewing gum) in having irregular surface showing **SOMITES**, resembling teeth prints on the chewed substance. (Refer to the left diagram)

### PARTLY DIFFERENTIATED & PARTLY UNDIFFERENTIATED

### ثم من مضغة مخلقة وغير مخلقة

“The out of a chewed-like substance partly differentiated and partly undifferentiated.”<sup>(5)</sup>

This superb Quranic verse for an embryo of about 1 cm gives a description of its internal stage by explaining that although the anlage of all organ systems have formed, their function has yet to appear. The organs and systems are *partly differentiated and partly undifferentiated*. As more and more differentiation occurs, the functions appear accordingly.

- (1) Al-Quran & Terjemahannya, Pustaka Antara Sdn. Bhd., KL.
- (2) Human Development As Revealed in the Holy Quran & Hadith, Dr. Muhammad Ali Albar
- (3) For “Alaqah”, refer to the last edition of TIBBians.
- (4) Surah Al-Mu’minun, verse 14.
- (5) Surah Al-Hajj, verse 5.

**الطبيب النبوي (Perubatan Nabi)-siri 4**

Ust.Hj Abdul Fatah Hj Jaafar  
Tahun 4, Kuliyyah Usuluddin  
Jabatan Dakwah & Thafofah Islamiyyah  
Universiti Al-Azhar, Kaherah  
*aqiqnilam\_01@yahoo.com*

Assalamualaikum wrh.wbh.

Segala puja dan puji selamanya buat Allah SWT yang maha mengada atau mentiadakan sesuatu hanya dengan kalamnya "kun!:(jadilah)maka jadilah perkara tersebut" dengan segala kudrah dan iradatnya. Selawat dan salam buat Rasul SAW yang telah memberikan amaran kepada seluruh manusia akan maha dasyat kegoncangan azab Allah SWT kepada manusia yang derhaka kepada peraturan Nya.

Selamat Tahun Baru Islam 1426 Hijriyyah kepada pembaca setia Tibbians dan seluruh warga kerjanya serta warga PERUBATAN yang berada di seluruh pelusuk Ardil Kinanah ini.Berlaluanya 1425 Hijriyyah bersama-sama kenangan manis dan pahit yang tidak sedikit perlu dimuhasabahkan oleh kita bersama.

Tragedi berdarah Thunami pasti tidak dapat dilupakan oleh kita semua,sampai hari ini ia menjadi mimpi ngeri bahkan mangsa-magsanya terus-terusan dilanda fobia dan trauma peristiwa yang menggemparkan dunia tersebut.Jika diperhatikan betul-betul banyak ayat-ayat Quran yang memperihalkan akan bentuk azab yang telah dan akan dikenakan kepada manusia yang menderhakai Allah SWT.

Umpamanya ayat 40 daripada surah Al-Ankabut ini:"Maka masing-masing (mereka itu)kami siksa disebabkan dosanya, maka diantara mereka ada yang kami timpakan kepadanya hujan batu kerikil, dan diantara mereka ada yang dilaungkan suara gempita (yang mematikan mereka)dan diantara mereka ada yang kami benamkan ke dasar bumi, dan diantara mereka ada yang kami tenggelamkan, dan Allah sesekali tidak menzalimi mereka, akan tetapi merekalah yang menzalimi diri mereka sendiri"

Juga perhatikan ayat 88 hingga 91 Surah Maryam yang dikatakan antara I'jazul Quran punca berlakunya bala' zilzal pada tanggal 26 Disember hampir setiap tahun, iaitu semasa penganut Kristian menyambut kebesaran agama mereka.Juga ayat 1 hingga 2 surah Al-Haj, surah At-takwiir,Al-Infitar dan dalam pelbagai surah lagi selain surah Al-Zalzalah yang menceritakan secara langsung akan kedasyatan hari kiamat.

Meskipun kejadian Thunami ini mempunyai pelbagai spekulasi hatta terdapat beberapa pihak menyatakan ombak besar yng melanda Acheh adalah satu bentuk

peperangan Mellenium baru oleh Rejim Amerika Syarikat bilamana menggunakan sejenis senjata yang dikenali sebagai 'Thermonuklear'yang menggunakan fenomena alam sebagai satu senjata baru untuk memusnahkan bumi 'Serambi Mekah' tersebut. Walau apa hal sekalipun perkara yang pertama dan utama yang perlu diimani dan diyakini oleh setiap muslim terutamanya sebagai pengamal perubatan Islam ialah kerdilnya manusia di hadapan Allah SWT yang maha segalanya.

Keyakinan dan keimanan ini tidak dapat dicapai melainkan seseorang itu mendapat hidayah atau NUR daripada Allah SWT.,tidak ada NUR yang lebih terang melainkan NUR daripada Allah SWT.,hal ini telah diterangkan dalam Al-Quran ayat 35 Surah An-Nur.NUR adalah faktor terbesar perlu wujud dalam diri pengamal perubatan Islam yang melalui NUR yang terpancar dalam dirinya mampu untuk 'scan' pelbagai penyakit yang barangkali tidak mampu dilihat di bawah mikroskop.

NUR daripada Allah SWT. ini hanya mampu digapai oleh manusia dengan takarrub mereka kepada Allah melalui amalan solat,bacaan Quran,zikir dan pengamalan doa seumpamanya doa yang terdapat dalam Kitab Al-Azkar Imam Nawawi dalam bab ke 19 hadis yang pertama,doa seperti ini amat baik diamalkan oleh Para Doktor yang konsisten dengan keislamannya. Amalan zikir seumpama Mathurat, Luma'tul Aurad ,Hizib Bahr atau mana-mana zikir yang warid daripada Rasulullah SAW. perlu diiltizami pengamalannya oleh setiap Doktor Muslim jika ingin memperolehi NUR Allah SWT tersebut.

NUR yang terhasil daripada amalan takarrub kepada Allah SWT. ini akan terpacar dari batang tubuh pengamalnya sama ada daripada tangan, muka bahkan seluruh anggota yang akhirnya mampu memindahkan NUR ini kepada pesakitnya yang barangkali telah begitu lama berada dalam kegelapan dan kesesatan. Thunami telah membuktikan akan keabsahan NUR ini!

Semoga 1426 Hijriyyah mampu mengeluarkan diri kita semua daripada 'zulumat' kejahilan dan dosa kepada sinar NUR Allah SWT. Mulakan kehidupan baru ini dengan memburu NUR Allah SWT. melalui takarrub (mendekatkan diri) kepadaNya.


## HIDUPKU DAN MATIKU HANYA KERANAMU

(Cerpen bersiri)

hasil naqal : hanglekiu (lekiu\_kal@yahoo.com)

tahun dua jam'iah qaherah

sumber adaptasi: ---HUDA SOID---[weblog]



Siri keempat...

Surat Zulaika ternoktah di situ. Rasa terharu mengepung dada. Zulaika gadis solehah. Haikal bersyukur dikurniakan seorang tunang seperti Zulaika. Cukup memahami dirinya. Surat itu disimpan kemas. Semangatnya makin menyala-nyala. Masjidil Aqsa seolah-olah melambai, menanti-nanti kedatangan.

Pagi itu mendamaikan. Cuaca cerah, tiada riak-riak gerimis akan datang melanda. Angin berpuput lembut. Haikal, Nasir, Hafiz dan Rafiq masing-masing sibuk mengemas barang yang perlu dibawa. Dengan lafaz bismillah kembara cinta menuju Ilahi pun bermula. Perjuangan itu baru bermula. Baru bermula. Haikal bergerak pantas. Mereka perlu cepat. Perjalanan ke Ramsis memakan masa. Teksi perlu disewa.

"Haikal! Haikal!"

Langkah yang dihayun terhenti. Nama Haikal dilaung-laung berulang kali. Segera dikalihnya ke belakang. Haikal kaget. Namun rasa syukurnya pantas menyelinap diri. Dari kejauhan Amir berlari pantas, merapati Haikal.

"Haikal, aku minta maaf. Jika dulu kita pernah berkongsi cita-cita bersama tapi kenapa sekarang tidak? Aku ingin mengikutimu, berjihad fisabilillah. Bawalah aku bersama Haikal", suara Amir terhenti. Termengah-mengah.

"Dengan Nama Allah yang Maha Esa, aku bersumpah diri dan jiwa ini hanya milikMu Ya Allah!", Amir menjerit. Keras dan lantang. Air mata kelelakian Haikal tumpah. Lantas dua sahabat itu saling berpelukan. Berkongsi hadaf yang satu.

Suasana di ibu pejabat Jamiyatus Syubbanil Muslimin riuh rendah. Kelihatan ummat Islam dari seluruh pelosok Mesir berkumpul di situ. Suasana itu mengingatkan Haikal pada firman Allah dalam surah As-Saf.

'Sesungguhnya Alah menyukai orang-orang yang berperang di jalanNya dalam saf yang teratur seakan mereka seperti satu bangunan yang kukuh' (As-Saf:4)

Seketika kemudian, As-Sayid Imam Hassan Al-Banna muncul. Dengan serban yang terlilit kemas, berjubah labuh. Said Hawwa itu mengatur langkah kemas. Berkumis tebal, wajah itu menimbulkan ketenangan. Terpancar cahaya keimanan di raut wajahnya. Pembesar suara dicapai. Dengan lafaz asma Allah, ucapan terlontar. Satu persatu kata-katanya bak butiran mutiara, penuh hikmah. Dan Haikal mendengar khusyuk. Pancaendera telinganya dimanfaatkan sebaik mungkin.

Strategi peperangan yang diterangkan tersemat kukuh di fikiran. Bagaikan mimpi, kini dia berjuang bersama-sama Imam Hassan Al-Banna. Sementelahan mujaddid itu idolanya selama ini. Syukur Ya Rob.

Doktor Ahmad Al-Malat diperkenalkan. Pengerusi Persatuan Perubatan Islam Kaherah itu zuhud orangnya. Ilmu perubatan disalurkan sepenuhnya ke jalan Islam. Dia bakal merawat mujahidin yang tercedera di medan perang.

Solat sunat dua rakaat segera didirikan oleh tentera Islam. Imam Hassan Al-Banna bertindak sebagai imam mengimami jemaah muslimin. Laungan takbir bergema di udara. Allahuakbar! Memenuhi ruang angkasa. Kuat dan lantang. Semangat kini kian terbakar, menyala-nyala. Haikal pejamkan matanya.

'Saat ini yang ku impi-impikan', getus hatinya.

Perjalanan menyusuri Semenanjung Sinai terasa begitu lama. Pandangan Haikal terlempar ke luar. Bumi gersang itu diamatinya. Bumi tempat persinggahan Nabi Musa satu ketika dulu menyimpan seribu satu khazanah. Zikrullah basah di bibir. Niat di hatinya diperbaharui. Berjihad hanya kerana Allah.

"Dulu Palestin merangkumi Syria, Jordan dan Labenon, dikenali sebagai bilad Al-Syam. Tapi selepas tercetusnya Perang Dunia Pertama, Palestin dipisahkan oleh Britain. Lantas Sungai Jordan, Laut Mediterranean, Lebanon, Gurun Sinai dan Teluk Aqabah menjadi sempadan", terang seorang lelaki yang memperkenalkan dirinya sebagai Ahmad Jamal kepada Haikal. Haikal cuma mengangguk. Anak muda kelahiran Tanta itu berperwatakan intelek.

Trak tentera akhirnya berhenti. Suasana baru itu ternyata asing buatnya. Lantas udara nyaman dihirup dalam-dalam. Bumi Palestin sudah dijejaki Haikal. Moga dagangan hina ini dibeli oleh Allah.

Setiap tentera dibekalkan dengan rifel dan beberapa bom tangan. Meskipun senjata ini Amerika Syarikat, namun semangat juang yang kental dan tinggi tidak pernah padam. Biar pun musuh memiliki senjata yang canggih tetapi ummat Islam tetap memiliki roh jihad yang membara. Masa harus dimanfaatkan sebaik mungkin. Setiap saat yang berlalu begitu berharga. Haikal lantas mengambil tempat di posisi kanan. Dia meniarap. Rifelnya memuntahkan peluru. Mengena sasaran, tentera Yahudi itu tumbang. Suasana makin hiruk pikuk. Bunyi tembakan jelas kedengaran. Diselang-seli dengan laungan takbir, peniup semangat.

Bersambung...

# PEMINDAHAN ANGGOTA BADAN (ORGAN TRANSPLANTATION)

Disusun oleh: Salman Amiruddin (namlas\_82@yahoo.com)

**Definisi:** Pemindahan anggota yang sihat (transplant/graft) daripada penderma (donor) kepada penerima (recipient) untuk mengambil peranan anggota yang asal

**Pembahagian** pemindahan anggota badan berdasarkan hubungannya dengan penerima:

- a) Autograft-Pemindahan anggota dari suatu tempat ke tempat yang lain pada tubuh individu yang sama. Contoh: pemindahan kulit kepada kawasan kulit yang terbakar
- b) Isograft-Pemindahan anggota dari seorang individu kepada kembarnya yang seiras (identical twin)
- c) Allograft-Pemindahan anggota antara individu yang berlainan tetapi di dalam spesies yang sama, seperti manusia kepada manusia yang lain.
- d) Xenograft- Pemindahan anggota antara spesies yang berlainan, seperti memindahkan anggota monyet kepada manusia.

## HUKUM FEQH PADA MASALAH PEMINDAHAN ANGGOTA

---

### Autograft

- a) Hadith riwayat Imam Baihaqi: Rasulullah s.a.w telah mengembalikan kembali mata Qatadah bin Nukman yang terkeluar dari tempatnya semasa perang Badar (terdapat pendapat yang mengatakan pada perang Uhud)
- b) Keputusan majlis ulama' Kerajaan Arab Saudi no.99, tarikh 6/11/1402 hijrah: "Selepas perbincangan, majlis telah bersepakat pada mengharuskan proses pemindahan anggota, ataupun sebahagiannya, dari insan yang hidup, samada muslim atau kafir zimmi, kepada dirinya sendiri (autograft), sekiranya terdapat hajat, dan terhindar dari bahaya ketika proses tersebut, dan yakinnya pada berjaya proses pemindahan ini"

### Mengembalikan anggota yang terpisah akibat hukum qisas atau hudud

- a) Keputusan Majma' Feqh Islami di Jeddah no 60/9/6, tarikh 17-23/8/1410 hijrah:
  - 1- Haram menurut syarak, mengembalikan anggota yang terpotong selepas pelaksanaan hukum hudud, kerana mengekalkan ketiadaan anggota bagi pesalah merupakan maksud sebenar pelaksanaan hukuman.
  - 2- Hukum hudud/qisas di syariatkan untuk menegakkan keadilan dan menginsafkan penjenayah serta menjaga keamanan masyarakat, di haramkan mengembalikan anggota yang di potong kecuali dalam keadaan berikut:
    - # Di izinkan oleh mangsa selepas pelaksanaan hukum
    - # Anggota mangsa yang terpotong juga boleh di kembalikan ke tempatnya
  - 3) Di haruskan mengembalikan anggota yang terpotong di sebabkan hudud/qisas sekiranya terdapat kesilapan dalam pengadilan dan pelaksanaan.

Sila Lihat Sebelah...



### **Memindahkan anggota dari insan yang hidup kepada insan yang lain**

Terdapat banyak fatwa berdasarkan dalil yang mengharuskan pemindahan anggota dari seorang insan yang hidup kepada insan yang lain. Di antaranya ialah Fatwa Majma' Fiqh Rabitah Alam Islami di Makkah, fatwa mufti Mesir syekh Jad Al-Haq Ali Jad Al-Haq, dan fatwa anggota Ulama' Kerajaan Arab Saudi.

Di antara dalil-dalil yang mengharuskan proses tersebut ialah:

- 1) Pemindahan anggota termasuk di dalam proses mengubati penyakit, dan menjaga jiwa dan menjauhi perkara yang memusnahkan kehidupan di anjurkan oleh syarak  
Dalil Al-Quran:
  - a) "Dan janganlah kamu mencampakkan diri kamu ke dalam kebinasaan"  
(surah Al-Baqarah:195)
  - b) "Dan sesiapa yang (menyumbang dalam) menghidupkan sesuatu nyawa, seolah-olah dia menghidupkan manusia kesemuanya"  
(surah Al-Maidah:32)
- 2) Pemindahan anggota melepaskan kesusahan manusia lain, dan merealisasikan sifat kasih sayang dan ukhuwwah sesama makhluk yang di timpa kesusahan  
Dalil hadith:
  - a) "Barangsiapa yang melepaskan kesusahan sesama islam, nescaya Allah melepaskan kesusahannya pada hari kiamat"
  - b) "Orang mukmin bagi mukmin yang lain seperti bangunan yang saling mengukuhkan antara satu sama lain"
  - c) "Perumpamaan orang mukmin pada kasih sayang sesama mereka, seumpama tubuh yang satu, jika mengadu kesakitan satu anggota, ianya membawa kepada seluruh tubuh kepada demam dan berjaga malam"

### **Memindahkan anggota dari insan yang mati kepada insan yang hidup**

Terdapat perselisihan pendapat ulama' di dalam masalah memindahkan anggota dari insan yang mati kepada insan yang hidup.

Dalil yang mengharuskan:

- a) Sesungguhnya memindahkan anggota dari orang yang mati kepada orang yang hidup termasuk dalam proses mengubati yang di benarkan oleh syarak
- b) Kaedah Feqah yang menyatakan: "Perkara darurat membenarkan perkara yang di haramkan" dan "Mudarat yang lebih besar di hilangkan dengan mudarat yang lebih ringan"
- c) Masalah/kepentingan orang yang hidup di dahulukan berbanding dengan kepentingan orang yang telah mati
- d) Konsep saling bantu membantu sesama islam

Syarat-syarat yang ditetapkan dalam memindahkan anggota si mati:

- 1) Persetujuan dan kebenaran dari si mati semasa hidupnya tanpa paksaan, dan persetujuan itu mestilah bertulis dan mempunyai saksi
- 2) Persetujuan dari ahli keluarga si mati dan pemimpin
- 3) Pendermaan anggota tersebut mestilah berlaku tanpa pertukaran wang
- 4) Hendaklah di lakukan hanya di dalam keadaan darurat dan hajat

### **Hukum menderma dan menerima darah**

- a) Di haruskan menderma dan menerima darah walaupun hal keadaannya yang najis berdasarkan hadith nabi yang menyuruh suatu kaum yang tidak mampu menghadapi cuaca madinah dengan meminum air kencing dan susu unta sebagai ubat
- b) Di haramkan menjual beli darah berdasarkan hadith: " Sesungguhnya Allah taala, sekiranya Ia mengharamkan sesuatu, Ia mengharamkan harganya (jual beli) "

Siri Akhlak & Adab (Siri Kedua)  
Oleh: Fauwaz Fadzil Noor

## **TAUBAH**

Taubah adalah pintu kepada kita untuk menghubungkan diri kita kepada Allah, tanpa taubah, tidak mungkin kita dapat berhubung denganNya.

Taubah adalah tangga kepada kita untuk pergi lebih tinggi daripada keadaan asal. Sebab itu para ulama suluk telah mensyaratkan bagi siapa yang ingin sampai kepada Allah, mestilah memulakannya dengan taubah.

Menjadi suatu kewajipan ke atas individu muslim bertaubat dengan segera apabila melakukan maksiat seperti yang disebutkan oleh Dr. Yusuf Al-Qaradawi dalam kitabnya, *At-Taubah*. Ia juga bertepatan dengan firman Allah Taala:

*وتوبوا الى الله جميعا لعلكم تفلحون*      *Bertaubatlah kamu kesemuanya wahai orang-orang mukmin agar kamu mencapai kejayaan - Surah An-Nur ayat 31*

Taubat tidak boleh ditangguhkan kerana ia boleh mendatangkan bahaya samada hati akan menjadi keras atau membawa kepada su'ul khatimah (pengakhiran yang buruk)

Perkataan seperti *Saya akan bertaubat* mesti dihindari kerana ia adalah tentera-tentera iblis. Seperti dikatakan: kebanyakan penghuni neraka adalah orang yang menangguhkan taubah.

Nabi kita sendiri adalah orang yang paling banyak bertaubat walaupun baginda adalah ma'sum seperti yang diriwayatkan dalam hadith-hadith Nabawi. Bagaimana pula dengan kita, insane yang penuh dengan kesalahan, apakah kita tidak perlu segera bertaubah?

Taubah bukanlah dengan lisan semata-mata, kerana dengan lisan semata-mata bukanlah hakikat taubah seperti yang difahami oleh kebanyakan manusia. Taubah yang sebenar mestilah diiringi dengan penyesalan dan tidak mengulangi perbuatan maksiat selepas penyesalan tersebut.

Allah begitu gembira dan cinta kepada golongan hambaNya yang bertaubah seperti dalam firmanNya:

*ان الله يحب التوابين*      *Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertaubah. (Surah Al-Baqarah ayat 222)*

Dari konteks seorang pelajar, taubah amat dituntut agar memudahkan kita mengingati ilmu yang dipelajari kerana dengan melakukan maksiat ia akan menyekat kefahaman kita seperti yang biasa kita dengar mengenai rintihan Imam Syafie:

<i>فأرشدني الى ترك المعاصي</i>	<i>شكوت الى وكيع سوء حظي</i>
<i>ونور الله لا يهدي لعاصي</i>	<i>فأخبرني بأن العلم نور</i>
<i>Aku mengadu kepada guruku Waki' tentang kelemahan hafalanku, Lalu dia mengarahkan aku supaya meninggalkan maksiat, Dan dia mengkhabarkan kepadaku bahawa sesungguhnya Ilmu itu cahaya, Dan cahaya Allah tidak akan menerangi orang ahli maksiat.</i>	

Jelaslah, taubah amat penting bagi seorang pelajar kerana dengannya kita diberi rezeki samada dalam bentuk harta atau ilmu. Mudah-mudahan kita digolongkan bersama Ahli Taubah.. Amin...

Rujukan:      *At-Taubah* oleh Prof. Dr. Yusuf Al-Qaradawi  
                 *Hadissulasah oleh Imam Hassan Al-Banna*

Sambungan dari muka ...

Antara sumbangan utama beliau terhadap dunia perubatan ialah:

- a) Telah memperkembangkan ilmu psikologi dalam ilmu perubatan**
- b) Penemuan beliau dalam bidang perubatan yang dikenali pada hari ini sebagai psikosomatis (psychosomatic medicine)**
- c) Memperkenalkan ilmu diagnosis untuk mengenalpasti ketidakseimbangan humur yang berkenaan dan ia masih dipraktikkan oleh para doktor muslim di Pakistan, Afganistan dan Parsi.**
- d) Seorang doktor dari Amerika melaporkan bahawa para hakim di afganistan, China dan India dan parsi sangat berkebolehan dalam menentukan penyakit melalui denyutan jantung**
- e) Menyedari kepentingan emosi dalam pemulihan.**
- f) Ibnu Sina adalah doktor yang pertama yang mencatatkan bahawa penyakit paru-paru (pulmonary tuberculosis) adalah penyakit yang boleh berjangkit.**
- g) Beliau juga dapat menceritakan dengan tepat tanda-tanda (symptoms) penyakit kencing manis (diabetes) dan masalah yang timbul daripadanya.**

Osler menganggap karyanya iaitu al-Qanun fi Al-Tibb sebagai sebuah teks perubatan yang **teragung** yang pernah ditulis sebagai "**injil perubatan**" yang dibaca dalam tempoh yang lebih lama berbanding buku-buku perubatan yang lain dan ia dibahagikan kepada 5 buku iaitu

- a) buku yang membicarakan tentang asas-asas umum.
- b) buku-buku ubatan simple (biasa)
- c) buku penyakit organ-organ tertentu
- d) buku penyakit yang biasanya merebak ke seluruh badan
- e) buku ubat-ubatan 'compound' (sebatian).

### **C) Zaman Kemerosotan**

Pada zaman ini, Eropah mula *menyerang kerajaan islam* iaitu bermula pada 1096M. Keadaan ini menyebabkan kemajuan sains terjejas dan keadaan politik yang tidak stabil. Walaupun keadaan kacau bilau, namun masih terdapat tokoh-tokoh perubatan islam pada masa itu. Antaranya ialah **Ibnu Zuhr, Ibnu Rusyd dan Ibnu Quff**

#### **Ibnu Rusyd**

Beliau terkenal di Eropah dengan nama **Averroes**. Nama penuh beliau ialah Abu al-Walid Muhamad Ibnu Ahmad, dilahirkan di Cordova dan tinggal di Sepanyol. Beliau hanya mengetahui dalam bahasa arab dan kesemua sumber bacaan dan karya beliau dibuat dalam bahasa arab. Beliau adalah tokoh falsafah dan perubatan yang bertugas sebagai guru, doktor istana, penasihat politik dan hakim. Ibnu Rusyd telah menulis sebuah kitab al-kuliah (general rules on Medicine) yang mengandungi 16 jilid. Buku ini dianggap tinggi mutunya dan dicetak beberapa kali di Eropah.

Ibnu Rusyd adalah seorang pengarang yang produktif. Beliau mula mengarang dalam usia 36 tahun, dan dalam masa hampir 40 tahun beliau menghasilkan karangan yang terdiri dari 10000 lembar, menyentuh tentang falsafah, sains dan perubatan. Oleh sebab falsafahnya beliau pernah dibuang negeri selama setahun di al-Yasanah (Bandar berhampiran Cordoba) semasa umur beliau menjelang 70 tahun dan beliau meninggal dunia tidak beberapa lama kemudian Maghribi

### **MUTIARA KATA IMAM SYAFIE**

**Imam Al-Muzani berkata: "Aku bertanya kepada Imam Syafi'e: Kenapa anda bertongkat sedangkan anda bukanlah seorang yang lemah?" Imam Syafi'e menjawab: "Aku melakukan semua ini supaya aku selalu ingat bahawa aku adalah seorang musafir yang sedang menuju kepada Allah."**

-petikan: *Imam Syafie, Penghulu Imam dan Pembaharu Ummah (Sheikh Muhammad Nuruddin Marbu Al-Banjari Al-Makki)*



**Terusan  
Suez**

Sambungan berita muka 1...

Pada hari terakhir rehlah ini, para peserta menyambung perjalanan ke Taba, melalui Nuweiba. Di Taba, para peserta telah melawat pos kawalan sempadan Mesir-Israel, Hotel Hilton Taba dan Kubu Salehuddin. Kira-kira jam 5.30 petang, para peserta memulakan perjalanan pulang ke Kaherah dan tiba kira-kira jam 12.30 malam.

## الشفاء

### 35. SAKIT GIGI / BISA GIGI

Doa:

- (i) Al-Fatihah
- (ii) أعوذ بعزة الله وقدرته من شر ما أجد وأحاذر
- (iii) قل هو الذى أنشأكم وجعل لكم السمع والأبصار والأفئدة قليلا ما تشكرون
- (iv) Letakkan jari pada tempat yang sakit dan baca:  
هو الذى أنشأكم من نفس واحدة فمستقر ومستودع قد فصلنا الآيات لقوم يفتقرون

*Petikan: Doa-doa rawatan Pesakit Menurut Al-Quran & As-Sunnah, Dr. Amran Kasimin & Prof Dato' Dr. Haron Din*

Alhamdulillah, rehlah ini telah selamat dilaksanakan dan berjaya mencapai matlamat dan objektif yang telah digariskan pada permulaan rehlah. Objektif utama, iaitu merapatkan hubungan ukhuwwah dikalangan pelajar perubatan, dilihat dapat di pupuk dengan gemilang. Tambahan pula 4 orang sahabat kita dari JUST, Jordan juga telah turut serta dalam rehlah ini. Mudah-mudahan para peserta dapat mengambil iktibar dan pengajaran daripada rehlah tersebut.

*Disediakan oleh: Iqbal Munauwir  
Abd Rashid*

### SERUAN DOA!!!

Untuk makluman, seorang saudara kita yang merupakan ahli PERUBATAN, **Md. Haikal Md. Rizal** baru sahaja keluar daripada menerima rawatan penyakit DENGGI di Hospital Kajang. Diseru kepada semua pembaca agar sama-sama mendoakan beliau semoga cepat sembuh dan dapat meneruskan pengajian di bumi Mesir kembali.

اللهم اشفه !!!